



## PENDAFTARAN KONTRAKTOR FASILITI



# PENDAFTARAN KONTRAKTOR FASILITI

Bahagian Kontraktor & Levi  
Sektor Operasi  
CIDB Malaysia

# ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGENALAN . . . . .	3
TAKRIF KERJA PEMBINAAN MENGIKUT AKTA 520 (PINDAAN 2011) . . . . .	4
DEFINISI KERJA FASILITI . . . . .	4
DEFINISI FASILITI . . . . .	4
GRED, KATEGORI DAN PENGKHUSUSAN KONTRAKTOR FASILITI . . . . .	5
KATEGORI DAN PENGKHUSUSAN KONTRAKTOR FASILITI . . . . .	6
KOD DAN PENGKHUSUSAN FASILITI . . . . .	6
SYARAT – SYARAT AM PENDAFTARAN KONTRAKTOR FASILITI . . . . .	7
SIJIL KECEKAPAN PENGURUSAN (SKP) . . . . .	8
SIJIL KECEKAPAN KEMAHIRAN (SKK) . . . . .	9
DOKUMEN SOKONGAN . . . . .	10
SYARAT PERMOHONAN TAMBAH KATEGORI DAN PEMBAHARUAN BAGI KONTRAKTOR SEDIAADA . . . . .	11
SYARAT PERMOHONAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR BARU YANG MEMPUNYAI PEGAWAI TEKNIKAL FM . . . . .	12
SYARAT PERMOHONAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR BARU YANG MEMPUNYAI PEGAWAI TEKNIKAL BUKAN FM . . . . .	13
SYARAT PERMOHONAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR BARU YANG MEMPUNYAI PEGAWAI TEKNIKAL BUKAN FM . . . . .	14
SYARAT TAMBAHAN PERMOHONAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) . . . . .	15
TEMPOH PENDAFTARAN DAN KEPERLUAN MATA CCD BAGI PEMBAHARUAN . . . . .	17
FEE PROSES DAN FEE PENDAFTARAN . . . . .	18
AHLI JAWATANKUASA PENDAFTARAN KONTRAKTOR FASILITI . . . . .	19
AHLI JAWATANKUASA KUMPULAN KERJA INISIATIF CITP (IWG3A) . . . . .	20
AGENSI-AGENSI DAN PERSATUAN-PERSATUAN YANG MENYERTAI DIALOG . . . . .	21
PETUNJUK . . . . .	22

## PENGENALAN

Konsep perkhidmatan fasiliti dan penyenggaraan bangunan / infrastruktur secara bersepadu telah menjadi trend semasa kepada pemilik kompleks bangunan/ infrastruktur yang berskala besar, cangih, serta berprestij. Amalan penjagaan fasiliti merupakan kombinasi antara aktiviti operasi dan penyenggaraan serta perkhidmatan fasiliti. Perkembangan industri perkhidmatan fasiliti ini cukup menggalakkan.

Sebagaimana kebanyakan negara lain di seluruh dunia, Pengurusan Fasiliti atau Facility Management (FM) di Malaysia, menekankan kepentingan menguruskan kemudahan dan persekitaran yang dibina supaya ia memenuhi tujuan reka bentuk dan fungsi bangunan dan memberi kepuasan kepada pelanggan serta pengguna.

Peranan kontraktor fasiliti dijangka akan menjadi lebih mencabar dan penting pada masa akan datang. Terdapat keperluan kontraktor fasiliti untuk terus membangun dan memperoleh kemahiran yang lebih canggih, pengetahuan yang lebih meluas dan prosedur kerja yang lebih efektif seiring dengan kemajuan teknologi, ekonomi dan sosial agar dapat bersaing diperingkat global.

Rekod CIDB menunjukkan kerja-kerja perkhidmatan fasiliti dan penyenggaraan bangunan / infrastruktur kini dilaksanakan oleh kontraktor yang berdaftar di dalam pelbagai pengkhususan seperti bangunan, kejuruteraan awam dan mekanikal dan elektrikal. Ia mengakibatkan kesukaran di pihak agensi Kerajaan dan swasta untuk mengenalpasti kontraktor yang betul-betul mahir dan kompeten dalam bidang ini. Disamping itu telah meningkat insiden-insiden yang membabitkan bangunan yang telah siap di mana kerja-kerja penyenggaraan dan pengurusan tidak dibuat dengan betul yang mengakibatkan kecederaan, kehilangan nyawa dan harta benda.

Sejajar dengan teras Meningkatkan Kualiti Keselamatan dan Profesionalisme industri pembinaan dibawah Construction Industry Transformation Plan (CITP), pihak CIDB telah menubuhkan satu Jawatankuasa Industri yang diwakili oleh agensi-agensi Kerajaan dan pakar-pakar industri dari persatuan dan Universiti untuk membincangkan dan membangunkan kategori dan syarat-syarat khusus bagi pendaftaran dan pembangunan kontraktor ini. Beberapa siri dialog juga telah diadakan dengan agensi-agensi dan persatuan-persatuan yang berkepentingan bagi mendapatkan maklumbalas mengenai pendaftaran tersebut.

Selain pendaftaran kontraktor fasiliti, salah satu elemen yang dititikberatkan ialah tahap kompetensi pengarah syarikat dan pegawai teknikal pihak kontraktor. Pihak CIDB sedang membangunkan standard kompetensi dan modul latihan bagi kontraktor dan pegawai teknikal. Modul latihan pengurusan bagi kontraktor telah siap disediakan dan latihan telah bermula pada bulan Oktober 2016.

## TAKRIF KERJA PEMBINAAN MENGIKUT AKTA 520 (PINDAAN 2011)

Kerja-kerja pembinaan adalah pembinaan, penyambungan, pemasangan, pembalikan, penyenggaraan, pembaharuan, pemindahan, pengubahsuaian, pengubahan, perombakan atau perobohan:-

- a) mana-mana bangunan, binaan, bangunan besar, struktur, dinding, pagar atau cerobong, sama ada dibina keseluruhannya atau sebahagiannya di atas atau di bawah paras bumi;
- b) mana-mana jalan, pelabuhan, landasan keretapi, talian kabel, terusan atau padang terbang
- c) apa-apa kerja saliran, pengairan atau kawalan sungai
- d) apa-apa kerja elektrik, mekanikal, air, gas, petrokimia atau telekomunikasi
- e) mana-mana kerja jambatan, empangan kerja tanah, talian paip, terowong atau kerja penebusgunaan.

Dan termasuklah-

- A) apa-apa kerja yang membentuk bahagian yang penting dan integral atau adalah persediaan atau sementara bagi kerja-kerja yang diperihalkan dalam perenggan (a) hingga (e), termasuk pembersihan tapak, penyelidikan dan pemberian tanah, pemindahan tanah, penggalian, peletakan batu asas, pemulihan dan landskap tapak; atau
- B) pemerolehan bahan binaan, kelengkapan atau pekerja, yang semestinya diperlukan dalam perenggan (a) hingga (e).

## DEFINISI KERJA FASILITI


Aktiviti perkhidmatan fasiliti dan penyenggaraan bangunan / infrastruktur secara bersepadu yang meliputi perkhidmatan kejuruteraan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan keperluan pengguna.

## DEFINISI FASILITI

Segala bentuk bangunan / infrastruktur dan kemudahan berkaitan untuk keperluan pengguna.

## GRED, KATEGORI DAN PENGKHUSUSAN KONTRAKTOR FASILITI

Aktiviti perkhidmatan fasiliti dan penyenggaraan bangunan / infrastruktur secara bersepadu yang meliputi perkhidmatan kejuruteraan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan keperluan pengguna.



## KATEGORI DAN PENGKHUSUSAN KONTRAKTOR FASILITI

Aktiviti perkhidmatan fasiliti dan penyenggaraan bangunan / infrastruktur secara bersepadu yang meliputi perkhidmatan kejuruteraan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan keperluan pengguna.

KATEGORI	PENGKHUSUSAN
F Fasiliti ( <i>Facility</i> )	F01 Fasiliti Bangunan dan Infrastruktur Am ( <i>General Building and Infrastructure Facilities</i> )
	F02 Fasiliti Bangunan Penjagaan Kesihatan ( <i>Healthcare Facilities</i> )

## KOD DAN PENGKHUSUSAN FASILITI

KOD	PENGKHUSUSAN	KETERANGAN
F01	FASILITI BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR AM	Aktiviti perkhidmatan fasiliti dan penyenggaraan bangunan/ infrastruktur secara bersepadu yang meliputi perkhidmatan kejuruteraan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan keperluan pengguna
F02	FASILITI BANGUNAN PENJAGAAN KESIHATAN	Aktiviti perkhidmatan fasiliti dan penyenggaraan bangunan/ infrastruktur secara bersepadu yang meliputi perkhidmatan kejuruteraan, kejuruteraan biomedical dan perkhidmatan yang berkaitan dengan keperluan pengguna

## SYARAT – SYARAT AM PENDAFTARAN KONTRAKTOR FASILITI

1. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam Syarikat Sdn. Bhd. atau Berhad / Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam Koperasi Berhad / Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) dalam Pertubuhan.
2. Jenis Perniagaan yang didaftarkan hendaklah meliputi kerja - kerja pembinaan dan / atau yang berkaitan dengan fasiliti dan penyenggaraan.
3. Mempunyai modal berbayar yang ditetapkan
4. Pengarah mempunyai Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP) dalam bidang Perkhidmatan Fasiliti dan Penyenggaraan ATAU mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh CIDB seperti berikut :
  - Certified Facility Manager (CFM) –IFMA
  - Facility Management Professional (FMP) – IFMA
  - Certified British Institute of Facilities Management (CBIFM) – BIFM
  - Ijazah sarjana muda / Sarjana / Doktor Falsafah yang diiktiraf oleh kerajaan dalam bidang pengurusan aset / fasiliti /penyenggaraan dengan tiga (3) tahun pengalaman kerja yang berkaitan.
5. Personel Teknikal memiliki kelayakan yang ditetapkan.
  - Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK) ) dalam perkhidmatan fasiliti dan atau penyenggaraan
  - Berpengalaman dalam perkhidmatan fasiliti dan atau penyenggaraan

## SIJIL KECEKAPAN PENGURUSAN (SKP)

ABDUL HADI BIN HAMZAH  
560911-03-5649  
STAR SERVICE AGENCY  
Lulus  
Pada  
24 APRIL - 25 APRIL 2016  
yang dianjurkan oleh  
**Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**



SKP-KN25481 P (M)

### SIJIL KECEKAPAN PENGURUSAN

Dengan ini disahkan bahawa

ABDUL HADI BIN HAMZAH  
560911-03-5649  
STAR SERVICE AGENCY

telah mewujud

ABDUL HADI BIN HAMZAH  
560911-03-5649  
STAR SERVICE AGENCY  
Lulus  
Pada  
24 APRIL - 25 APRIL 2016  
yang dianjurkan oleh  
**Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**

MOHD NAZLI B. AHMAD MAHYADIN  
Pengerusi Besar Kanan  
Sektor Pembangunan Personel & Kontraktor  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh: 19 SEPTEMBER 2016



# SIJIL KECEKAPAN KEMAHIRAN (SKK)



## DOKUMEN SOKONGAN

- i. Memorandum And Association Agreement (MAA) syarikat.
- ii. Cetakan asal profil Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Koperasi dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) / Pertubuhan dari Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).
- iii. Ijazah / Diploma.
- iv. Bukti caruman KWSP untuk pekerja syarikat / koperasi / pertubuhan.
- v. Sijil-sijil lain yang berkaitan.

## SYARAT PERMOHONAN TAMBAH KATEGORI DAN PEMBAHARUAN BAGI KONTRAKTOR SEDIAADA

GRED	MODAL BERBAYAR (RM)	PENGKHUSUSAN	TAMBAH KATEGORI F	PEMBAHARUAN KALI PERTAMA
G7	750,000.00	F01	Bukti Kerja dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan	SKP, SKK, CCD
		F02	Bukti Kerja dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan Hospital	SKP, SKK, CCD Kursus Healthcare*
G6	500,000.00	F01	Bukti Kerja dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan	SKP, SKK, CCD
		F02	Bukti Kerja dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan Hospital	SKP, SKK, CCD Kursus Healthcare*
G5	250,000.00	F01	Bukti Kerja dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan	SKP, SKK, CCD
		F02	Bukti Kerja dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan Hospital	SKP, SKK, CCD Kursus Healthcare*
G4	150,000	F01	Bukti Kerja dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan	SKP, SKK, CCD
		F02	Bukti Kerja dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan Hospital	SKP, SKK, CCD Kursus Healthcare*

- \* Terkecuali jika memiliki Sijil Certified Healthcare Facility Manager yang dikeluarkan oleh International Islamic University of Malaysia (IIUM) / setaraf.

## SYARAT PERMOHONAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR BARU YANG MEMPUNYAI PEGAWAI TEKNIKAL FM

GRED	MODAL BERBAYAR (RM)	PENGKHUSUSAN	PERMOHONAN BARU	PEMBAHARUAN KALI PERTAMA
G7	750,000.00	F01	1 Ijazah FM* dan 1 Ijazah Teknikal** (3 tahun pengalaman dalam penyenggaraan)	SKP,Integriti, CCD
		F02	1 Ijazah FM* dan 1 Ijazah Teknikal** (3 tahun pengalaman dalam penyenggaraan) (salah seorang berpengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital)	SKP,Integriti, CCD dan Kursus Healthcare***
G6	500,000.00	F01	1 Ijazah FM* dan 1 Diploma Teknikal** (3 tahun pengalaman dalam penyenggaraan)	SKP,Integriti, CCD
		F02	1 Ijazah FM* dan 1 Diploma Teknikal** (3 tahun pengalaman dalam penyenggaraan) (salah seorang berpengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital)	SKP,Integriti, CCD dan Kursus Healthcare***
G5	250,000.00	F01	1 Diploma FM* dan 1 Diploma Teknikal** (3 tahun pengalaman dalam penyenggaraan)	SKP,Integriti, CCD,
		F02	1 Diploma FM* dan 1 Diploma Teknikal** (3 tahun pengalaman dalam penyenggaraan) (salah seorang berpengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital)	SKP,Integriti, CCD dan Kursus Healthcare***
G4	150,000.00	F01	1 Diploma FM* dan berpengalaman dalam penyenggaraan	SKP,Integriti, CCD
		F02	1 Diploma FM* dan berpengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital	SKP,Integriti, CCD dan Kursus Healthcare***

\* Ijazah / Diploma FM yang diiktiraf oleh CIDB.

\*\* Ijazah / Diploma teknikal yang berkaitan bidang pembinaan.

\*\*\* Terkecuali jika memiliki Sijil Certified Healthcare Facility Manager yang dikeluarkan oleh International Islamic University of Malaysia (IIUM) / setaraf.

## SYARAT PERMOHONAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR BARU YANG MEMPUNYAI PEGAWAI TEKNIKAL BUKAN FM\*

GRED	MODAL BERBAYAR (RM)	PENGKHUSUSAN	PERMOHONAN BARU	PEMBAHARUAN KALI PERTAMA
G7	750,000.00	F01	1 Ijazah + 1 Diploma (kedua-dua 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan atau 2 Ijazah (salah seorang 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan)	SKP, SKK,Integriti, CCD
		F02	1 Ijazah + 1 Diploma (kedua-dua 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital) atau 2 Ijazah (salah seorang 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital)	SKP,SKK, Integriti,CCD dan Kursus healthcare **
G6	500,000.00	F01	1 Ijazah + 1 Diploma (salah seorang min 3 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan	SKP, SKK,Integriti, CCD
		F02	1 Ijazah + 1 Diploma (salah seorang min 3 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital)	SKP,SKK, Integriti,CCD dan Kursus healthcare **

\* Hanya terbuka kepada teknikal berkaitan bidang pembinaan.

\*\* Terkecuali jika memiliki Sijil Certified Healthcare Facility Manager yang dikeluarkan oleh International Islamic University of Malaysia (IIUM) / setaraf.

## SYARAT PERMOHONAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR BARU YANG MEMPUNYAI PEGAWAI TEKNIKAL BUKAN FM\*

GRED	MODAL BERBAYAR (RM)	PENGKHUSUSAN	PERMOHONAN BARU	PEMBAHARUAN KALI PERTAMA
G5	250,000.00	F01	1 Ijazah (min 1 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan) atau 1 Diploma (min 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan)	SKP, SKK,Integriti, CCD
		F02	1 Ijazah (min 1 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital ) atau 1 Diploma (min 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital)	SKP,SKK, Integriti,CCD dan Kursus healthcare **
G4	150,000	F01	1 Diploma min 3 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan.	SKP, SKK,Integriti, CCD
		F02	1 Diploma minimum 3 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital	SKP,SKK, Integriti,CCD dan Kursus healthcare **

\* Hanya terbuka kepada teknikal berkaitan bidang pembinaan

\*\* Terkecuali jika memiliki Sijil Certified Healthcare Facility Manager yang dikeluarkan oleh International Islamic University Malaysia (IIUM) / setara.

## SYARAT TAMBAHAN PERMOHONAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)

GRED	MODAL BERBAYAR (RM)	HAD NILAI PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (RM)	SIJIL SCORE (BINTANG)	ISO 9001:2008 / 2015
G7	750,000.00	Melebihi 10,000,000.00	3	✓
G6	500,000.00	5,000,001.00 hingga 10,000,000.00	3	
G5	250,000.00	3,000,001.00 hingga 5,000,000.00	3	
G4	150,000.00	Sehingga 3,000,000.00	2	

1. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor yang masih sah, dan
2. Memenuhi syarat Modal Berbayar merujuk kepada Had nilai perolehan dan personel teknikal
3. Memenuhi syarat pemilikan ekuiti dalam syarikat lain, dan
  - i. Pemegang saham syarikat/individu yang telah memiliki SPKK tidak boleh memiliki ekuiti melebihi 5% atau RM50,000.00 atau mana-mana yang terendah dalam mana-mana syarikat lain yang telah mempunyai SPKK.
  - ii. Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Pengurusan dan Pegawai Teknikal syarikat yang telah memiliki SPKK tidak boleh wujud/didaftarkan dalam mana-mana syarikat lain yang telah mempunyai SPKK.

\*Nota : **Pengecualian** diberi kepada konsortium, Koperasi dan GLC (Ahli Lembaga)

4. Memenuhi syarat pensijilan bagi permohonan baru seperti berikut:
  - i. Memperolehi sijil penilaian SCORE sekurang-kurangnya 3 bintang bagi kontraktor gred G5, G6 dan G7.

- ii. Memperolehi sijil penilaian SCORE sekurang-kurang 2 bintang bagi kontraktor gred G4.
  - iii. Memperolehi pensijilan ISO 9001:2008 yang masih sah bagi gred G7.
  - iv. Bebas dari sabitan tindakan tatatertib atau mahkamah semasa mengemukakan permohonan.
5. Perubahan Ekuiti
- i. Perubahan ekuiti tidak dibenarkan (samada melalui pindahmilik atau tambah saham) yang mana jumlah saham yang dimiliki oleh pemegang saham baru adalah melebihi 49% daripada modal berbayar / terkumpul syarikat, jika berlaku ia akan dikategorikan sebagai pendaftaran baru dan perlu memenuhi syarat permohonan baru SPKK ATAU
  - ii. Pemilik saham yang baru (samada orang perseorangan atau syarikat) telah menjadi pemegang saham individu terbesar didalam syarikat mengatasi pemegang saham utama (major shareholder) sedia ada.
6. Kemasukan pemegang saham baru
- i. Pemegang saham baru (individu atau syarikat) tidak dibenarkan memiliki jumlah saham terbesar (pemegang saham utama) untuk tempoh 2 tahun bagi gred G4 hingga G7.
  - ii. Pemegang saham baru hendaklah memegang saham tidak melebihi 49% daripada modal berbayar / terkumpul syarikat, ATAU
  - iii. Pemegang saham yang baru (samada orang perseorangan atau syarikat) tidak dibenarkan menjadi pemegang saham individu terbesar didalam syarikat mengatasi pemegang saham utama (major shareholder) sedia ada.

## TEMPOH PENDAFTARAN DAN KEPERLUAN MATA CCD BAGI PEMBAHARUAN

GRED	TEMPOH PENDAFTARAN		
	PENDAFTARAN BARU (TAHUN)	PEMBAHARUAN (TERTAKLUK KEPADA MATA CCD TERKUMPUL)	
		1 tahun	2 tahun
G7	2	40	80
G6	2	30	60
G5	2		90
G4	2	20	40
			80

## FEE PROSES DAN FEE PENDAFTARAN

GRED	PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK)					SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)	
	FEE PROSES		FEE PENDAFTARAN			FEE PROSES	
	Baru (RM)	Pembaharuan / Tambah Kategori (RM)	Baru (setahun) (RM)	Pembaharuan (setahun) (RM)	Tambah Kategori (RM)	Baru (RM)	Pembaharuan / Tambah Kategori (RM)
G7	50	30	1,400	700	100	50	30
G6	50	30	1,000	500	100	50	30
G5	50	30	700	350	100	50	30
G4	50	30	350	175	100	50	30

## AHLI JAWATANKUASA PENDAFTARAN KONTRAKTOR FASILITI



Sr. Ida Zuraida binti Mohd. Yusoff  
Norlida binti Nabil  
Zalina binti Mat



MINISTRY OF HEALTH  
MALAYSIA

Tn. Hj. Tauran Zaidi bin Ahmad Zaidi



Ir. Hj. Mohd Sabri bin Mat Deris



En. Isaac Sunder Rajan  
Dato' Ir. Hj. Abdullah bin Abd. Rahman  
En. Zaidi bin Elamdin



Dr. Ir. Adanan bin Sukri



Prof. Dr. Khairusy Syakirin Has -Yun Hashim



Prof. Sr. Dr. David Martin @Daud Juanil



Prof. Sr. Dr. Abdul Hakim bin Mohammad



En. Mohammad Shahrizal bin Mohammad Idris  
En. Ahmad Sha'rainon bin Md Shaarani  
En. Mohd Mazhar bin Mohd Marzuki

## AHLI JAWATANKUASA KUMPULAN KERJA INISIATIF CITP (IWG3A)



KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA



## AGENSI-AGENSI DAN PERSATUAN-PERSATUAN YANG MENYERTAI DIALOG



## PETUNJUK

- FM : Pengurusan Fasiliti (Facility Management)
- F01 : Fasiliti Bangunan dan Infrastruktur Am  
(General Building and Infrastructure Facilities)
- F02 : Fasiliti Bangunan Penjagaan Kesihatan (Healthcare Facilities)
- SKK : Sijil Kecekapan Kemahiran
- SKP : Sijil Kecekapan Pengurusan
- Mata CCD : Program Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan (Contractor Continous Development)
- Integriti : Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor